A

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim lwn Pendakwa Raya

B

MAHKAMAH TINGGI (KUALA LUMPUR) — PERMOHONAN JENAYAH NO 44–99 TAHUN 2009
MOHAMAD ZABIDIN H
20 JULY 2009

C

Prosedur Jenayah — Pendakwaan — Menjalankan pendakwaan — Permohonan di bawah s 51A Kanun Prosedur Jenayah — Sama ada pendakwaan perlu membekalkan bahan-bahan dan maklumat yang dipohon

D

Prosedur Jenayah — Pendedahan maklumat — Dokumen — Tanggungjawab pendakwaan untuk mendedahkan kepada tertuduh dokumen-dokumen dan fakta-fakta menyebelahi pembelaan sebelum permulaan perbicaraan — s 51A Kanun Prosedur Jenayah — Sama ada perlu dibaca bersama s 51 Kanun Prosedur Jenayah — Sama ada s 51A Kanun Prosedur Jenayah bersifat mandatori — Skop dan tujuan perundangan s 51A

E

F

Pemohon, melalui notis usul telah memohon supaya pihak pendakwaan diperintah membekalkan kepada pembelaan dokumen dan barang-barang berikut: (i) salinan pita rakaman CCTV di kondominium Desa Damansara dari 25 Jun hingga 27 Jun 2008; (ii) sampel ujian swab ke atas Mohd Saiful Bukhari ('Saiful'); (iii) 'slides' yang dibuat semasa ujian sampel swab ke atas Saiful; (iv) gambar slides yang dibuat semasa ujian sampel swab ke atas Saiful; (v) nota-nota ahli kimia berkenaan pemeriksaan/penganalisaan bahan-bahan; (vi) senarai saksi yang akan dikemukakan oleh pendakwaan dalam perbicaraan; (vii) kenyataan saksi-saksi yang dirakam di bawah s 112 Kanun Prosedur Jenayah; (viii) salinan semua dokumen yang akan dikemukakan sebagai keterangan; (ix) kenyataan fakta-fakta menyebelahi pembelaan; (x) salinan nota-nota oleh semua doktor yang telah merawat dan memeriksa Saiful; (xi) nota-nota dan laporan hasil pemeriksaan 'proctoscopy' ke atas Saiful; dan (xii) semua dokumen dan barangan harta dan butir-butir yang tidak akan digunakan oleh pihak pendakwaan. Permohonan ini telah dibuat di bawah s 5 dan/atau s 51 dan/atau s 51A Kanun Prosedur Jenayah.

G

H

I

Diputuskan, membenarkan sebahagian permohonan pemohon:

(1) Pendakwaan diperintahkan membekalkan kepada pembelaan salinan pita rakaman CCTV tersebut dari tarikh 25 Jun hingga 27 Jun 2008 (lihat perenggan 16).

(2) Sampel ujian swab ke atas Saiful berada dalam bungkusan yang dimeterai oleh ahli kimia dan sebarang gangguan terhadap meterai tersebut sebelum ia dikemukakan di mahkamah akan mengganggu identiti dan rangkaian keterangan berhubung barang kes tersebut. Maka, pemohon hanya boleh memohon untuk meneliti sampel tersebut setelah ia dikemukakan di mahkamah sebagai barang kes (lihat perenggan 22).

(3) Pendakwaan diperintah untuk membolehkan peguam pembelaan melihat (to inspect) slides tersebut di bawah pengawasan pegawai penyiasat dan ahli kimia yang berkenaan. Pendakwaan juga diperintah untuk membekalkan salinan gambar slides tersebut (lihat perenggan 23).

(4) Bagi melancarkan perjalanan perbicaraan dan bagi membolehkan pihak pembelaan menyediakan pembelaan yang sempurna mahkamah menggunakan budi bicara di bawah s 51 untuk memerintah pendakwaan membekalkan kepada pembelaan laporan dan nota-nota ahli kimia tersebut sebelum hari perbicaraan. Atas alasan yang sama, pendakwaan diperintahkan membekalkan salinan nota-nota oleh semua doktor yang telah merawat dan memeriksa Saiful serta salinan gambar, nota-nota dan laporan pemeriksaan 'proctoscopy'. Sekiranya tiada laporan disediakan, satu pengesahan daripada doktor berkenaan bahawa tiada laporan disediakan perlu diserahkan kepada pembelaan (lihat perenggan 28 & 32–33).

(5) Berhubung salinan kenyataan saksi di bawah s 112 dan dokumen-dokumen atau barangan harta atau butir-butir yang tidak akan diguna oleh pendakwaan, dengan adanya s 51A pembelaan mempunyai hak untuk dibekalkan sebelum perbicaraan bukan sekadar dengan dokumen-dokumen yang akan digunakan dalam perbicaraan tetapi juga berhak untuk dibekalkan dengan 'fakta-fakta yang memihak kepada pembelaan'. Walaupun dokumen yang dipohon tidak secara jelas tergolong di bawah s 51A dan tidak terdapat peruntukan khusus yang memerlukan pendakwaan membekalkan salinan dokumen-dokumen, tidak ada peruntukan yang menghalang mahkamah daripada memerintah pendakwaan untuk membekal dokumen tersebut kepada pembelaan (lihat perenggan 34 & 36–37).

(6) Seksyen 51A(c) meletakkan tanggungjawab di pihak pendakwaan untuk membekalkan kepada pembelaan kenyataan bertulis mengenai fakta yang memihak kepada pembelaan. Pendirian pendakwaan berhubung perkara ini adalah tiada apa-apa fakta memihak kepada pembelaan. Dalam keadaan kes biasa mahkamah seharusnya menerimanya sebagai satu kenyataan yang benar dan perkara ini terhenti setakat itu sahaja. Tetapi dalam kes ini, pihak pembelaan mendakwa terdapat satu konspirasi terhadap tertuduh kerana tertuduh

A didakwa walaupun terdapat fakta-fakta yang menunjukkan kejadian yang didakwa tidak berlaku. Dalam keadaan begini, pihak pembelaan harus diberi peluang untuk memastikan apa yang dinyatakan oleh pihak pendakwaan berhubung perkara ini adalah satu kebenaran dan bukan cubaan untuk sembunyi fakta. Ini hanya boleh dicapai jika
B pembelaan mempunyai akses kepada kenyataan-kenyataan yang diberi oleh saksi. Pemberian salinan kenyataan saksi tidak akan memprejudiskan kes pendakwaan atau mengganggu gugat kepentingan awam. Ia juga akan membantu pembelaan menyediakan pembelaan yang lebih sempurna dan teratur. Maka, permohonan untuk
C mendapatkan salinan kenyataan yang dirakam di bawah s 112 dibenarkan (lihat perenggan 38–41).

(7) Pendakwaan diperintah untuk membekalkan senarai saksi yang akan dikemukakan oleh pendakwaan dalam perbicaraan dan salinan semua
D dokumen yang akan dikemukakan sebagai keterangan seperti diperlukan di bawah s 51A(1)(b) Kanun Prosedur Jenayah (lihat perenggan 42(a) & (b)).

[English summary

E

The applicant vide a notice of motion applied that the prosecution be ordered to provide the defence with the following documents and items: (i) a copy of the CCTV tape recording at the Desa Damansara condominium from 25 June to 27 June 2008; (ii) a swab sample test on Mohd Saiful Bukhari
F ('Saiful'); (iii) slides made during the swab sample test on Saiful; (iv) picture slides made during the swab sample test on Saiful; (v) the chemist's notes on the examination/analysis of the materials; (vi) the list of witnesses to be produced by the prosecution in the trial; (vii) the witnesses' statements recorded under s 112 of the Criminal Procedure Code; (viii) a copy of all the
G documents to be produced as evidence; (ix) the statement of facts in favour of the defence; (x) copies of the notes by all doctors who treated and examined Saiful; (xi) notes and report on the proctoscopy examination result on Saiful; (xii) all the documents and exhibit items and particulars not used by the prosecution. This application was made under s 5 and/or s 51 and/or
H s 51A of the Criminal Procedure Code.

Held, allowing part of the applicant's application:

I (1) The prosecution was ordered to provide the defence a copy of the CCTV tape recording from the 25–27 June 2008 (see para 16).

(2) The swab sample test on Saiful was in a package sealed by the chemist and any interference on the seal before it was produced in court would disrupt the identity and series of evidence relating to the case exhibits.

Thus, the applicant could only apply to scrutinise the sample after it was produced in court as a case exhibit (see para 22).

(3) The prosecution was ordered to enable defence counsel to inspect the slides under the supervision of the investigating officer and the chemist. The prosecution was also ordered to provide a copy of the picture slides (see para 23).

(4) In order to have a smooth course of the trial and to enable the defence to prepare a proper defence the court used its discretion under s 51 to order the prosecution to provide the defence with the chemist's report and notes a day before the trial. On the same ground, the prosecution was ordered to provide a copy of the notes of all the doctors who had treated and examined Saiful and a copy of the picture, notes and proctoscopy examination report. In the event no report was prepared, a confirmation from the doctor that no report was prepared should be given to the defence (see paras 28 & 32–33).

(5) In relation to the witness statement under s 112 and the documents or exhibit items or the particulars that were not used by the prosecution, with the existence of s 51A, the defence had a right to be provided with before trial not only the documents which were not used in the trial but also the facts which favoured the defence. Although the document applied for was not clearly included under s 51A and there was no specific provision that required the prosecution to provide copies of the documents, there was no provision to prevent the court from ordering the prosecution to provide the said documents to the defence (see paras 34 & 36–37).

(6) Section 51A(c) provides an obligation on the prosecution to provide the defence the written statements of the facts which favoured the defence. The prosecution's opinion on this matter was that no facts favoured the defence. In an ordinary case, the court should have accepted it as a true statement and ended the matter. However in this case, the defence alleged that there was a conspiracy against the accused as the accused was alleged even though there were facts that showed that the incident had not occurred. In such circumstances, the defence ought to be given an opportunity to ensure that anything stated by the prosecution in relation to this matter was the truth and not an attempt to conceal any facts. This could have only been accomplished if the defence had access to the statements given by the witnesses. Providing the witness statement would neither prejudice the prosecution's case, nor disrupt public interest. It also could assist the defence in preparing a more proper and orderly defence. Thus, the application to obtain a copy of the statement recorded under s 112 was allowed (see paras 38–41).

(7) The prosecution was ordered to provide a witness list for the decence to

A produce during trial and copies of all the documents to be produced as evidence as required under s 51A(1)(b) of the Criminal Procedure Code (see paras 42(a) & (b)).]

Nota-nota

B Untuk kes-kes mengenai dokumen, lihat 5(2) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2007 Reissue) perenggan 1752–1757.

Untuk kes-kes mengenai menjalankan pendakwaan, lihat 5(2) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2007 Reissue) perenggan 2921–2922.

C **Kes-kes yang dirujuk**

Balachandran v PP [2005] 2 MLJ 301; [2005] 1 CLJ 85, MP (dirujuk)

Husdi v PP [1979] 2 MLJ 304, MT (dirujuk)

Khoo Siew Bee & Anor v Ketua Polis Kuala Lumpur [1979] 2 MLJ 49, MT (dirujuk)

D *Muzammil Izat bin Hashim v PP* [2009] 2 CLJ 354, MR (dirujuk)

PP v Raymond Chia Kim Chwee & Anor [1985] 2 MLJ 436, MA (dirujuk)

Saw Thean Teik v Regina [1953] MLJ 124, MT (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

E Akta Keterangan 1950 s 159

Kanun Prosedur Jenayah ss 5, 51, 51(1), 51A, 51A(1)(b), (c), 112

Sivarasa Rasiah (Daim & Gamany) (Edmund Bon Tai Soon (Chooi & Co), Amer Hamzah bin Arshad (Zain & Co), Mohd Radzlan bin Jalaludin (MR Jalal & Co), Leela Jeyamani Jesuthasan (Faiz & Co), Latheefa Beebi Koya (Daim & Gamany) dan Wan Anuar Shaddat bin Mohamed Amin (SN Nair & Partners) bersamanya) bagi pihak pemohon.

F *Mohd Yusof bin Zainal Abiden (Nordin bin Hassan, Mohamad Hanafiah bin Zakaria, Wong Chiang Kiat, Shamsul bin Sulaiman dan Noorin bt Badaruddin bersamanya) bagi pihak responden.*

G

Mohamad Zabidin H:

H **[1]** Lampiran 2 adalah notis usul Dato' Seri Anwar bin Ibrahim untuk pihak pendakwa diperintah membekalkan kepada pembela dokumen dan barang-barang berikut:

(a) Salinan pita rakaman CCTV di kondominium Desa Damansara, Jalan Setia Kasih, Bukit Damansara berkenaan rakaman dari '00 hours' I hingga '24 hours' dari tarikh 25 Jun hingga 27 Jun 2008 yang dikatakan diambil oleh CCTV di lokasi-lokasi:

(i) di pondok pengawal kondominium tersebut;

(ii) di C lif blok 11 kondominium tersebut; dan

(iii) di psg lif blok 11 kondominium tersebut.

(b) Sampel asal dan sampel/spesimen asal yang dikatakan diambil melalui ujian swab ke atas Mohd Saiful Bukhari bin Azlan yang bertanda B, B1, B2, B3, B4, B5, B6, B7, B8, B9, B10, B11, B12 dan sampel asal dan sampel/spesimen asal yang dikatakan diambil dari unit 11–5–1 dan 11–5–2 kondominium tersebut dan daripada Saiful yang bertanda A, A1, A2, A3, A4, A5, A6, A7 dan perkara-perkara bertanda D, D1, D2 dan D3.

(c) 'Slides' yang dibuat semasa ujian atas sampel asal dan sampel/spesimen asal yang dikatakan diambil melalui ujian swab ke atas Mohd Saiful Bukhari bin Azlan yang bertanda B, B1, B2, B3, B4, B5, B6, B7, B8, B9, B10, B11, B12 dan *slides* yang dibuat semasa ujian atas sampel asal dan sampel/spesimen asal yang dikatakan diambil dari unit 11–5–1 dan 11–5–2 kondominium tersebut dan daripada Saiful yang bertanda A, A1, A2, A3, A4, A5, A6, A7 dan *slides* yang dibuat semasa ujian atas perkara-perkara bertanda D, D1, D2 dan D3.

(d) Gambar *slides* yang dibuat semasa ujian atas sampel asal dan sampel/spesimen asal yang dikatakan diambil melalui ujian swab ke atas Mohd Saiful Bukhari bin Azlan yang bertanda B, B1, B2, B3, B4, B5, B6, B7, B8, B9, B10, B11, B12 dan gambar *slides* yang dibuat semasa ujian atas sampel asal dan sampel/spesimen asal yang dikatakan diambil dari unit 11–5–1 dan 11–5–2 kondominium tersebut dan daripada Saiful yang bertanda A, A1, A2, A3, A4, A5, A6, A7 dan gambar *slides* yang dibuat semasa ujian atas perkara-perkara bertanda D, D1, D2 dan D3.

(e) *Electro Pherogram*, atas sampel bertanda B, B1, B2, B3, B4, B5, B6, B7, B8, B9, B10, B11, B12, A, A1, A2, A3, A4, A5, A6, A7, D, D1, D2 dan D3.

(f) Nota-nota ahli kimia berkenaan pemeriksaan/penganalisaan bahan-bahan bertanda B, B1, B2, B3, B4, B5, B6, B7, B8, B9, B10, B11, B12, A, A1, A2, A3, A4, A5, A6, A7 dan perkara-perkara bertanda D, D1, D2 dan D3.

(g) Senarai saksi yang akan dikemukakan oleh pendakwa dalam perbicaraan.

(h) Kenyataan saksi di bawah s 112 Kanun Prosedur Jenayah yang dirakam daripada:

(i) Mohd Saiful Bukhari bin Azlan;

(ii) Hj Hassanudin Abdul Hamid;

(iii) Nursham;

(iv) Muhamad Rahimi bin Osman;

(v) Mohd Rasid Mohd Rosdi;

(vi) Dr Osman Abdul Hamid; dan

(vii) Mana-mana saksi selain daripada yang tersenarai di atas.

(i) Salinan semua dokumen yang akan dikemukakan sebagai keterangan.

(j) Kenyataan fakta-fakta menyebelahi pembela.

(k) Salinan nota-nota oleh semua doktor dari Hospital Kuala Lumpur yang dikatakan telah merawat dan memeriksa Mohd Saiful Bukhari bin Azlan termasuk pada 28 Jun 2008.

(l) Nota-nota dan laporan hasil pemeriksaan 'proctoscopy' yang dikatakan dilakukan ke atas Mohd Saiful Bukhari bin Azlan di Hospital Kuala Lumpur termasuk pada 28 Jun 2008.

(m) Rakaman video percakapan Mohd Saiful Bukhari yang dikatakan dibuat pada 30 Jun 2008.

(n) Laporan perubatan dari Hospital Pusrawi dan nota-nota berkenaan pemeriksaan ke atas Mohd Saiful Bukhari bin Azlan.

(o) Semua dokumen-dokumen dan/atau barangan harta dan butir-butir yang tidak akan digunakan oleh pihak pendakwa dalam kes ini.

ASAS PERMOHONAN

[2] Permohonan ini dibuat berdasarkan peruntukan di bawah s 5 dan/atau s 51 dan/atau s 51A Kanun Prosedur Jenayah.

[3] Seksyen 51A merupakan satu seksyen yang baru. Ia dimasukkan melalui pindaan kepada Kanun Prosedur Jenayah yang mula berkuat kuasa pada 6 Mac 2006. Oleh itu tidak banyak nas dalam bentuk keputusan kes terdahulu yang boleh dirujuk dalam memutuskan perkara melibatkan s 51A.

[4] Kes-kes seperti *Husdi v Public Prosecutor* [1979] 2 MLJ 304; *Muzammil Izat bin Hashim v Public Prosecutor* [2009] 2 CLJ 354; *Khoo Siew Bee & Anor v Ketua Polis Kuala Lumpur* [1979] 2 MLJ 49 dan *Public Prosecutor v Raymond Chia Kim Chwee* [1985] 2 MLJ 437 membincang soal penzahiran kenyataan saksi oleh pendakwa kepada pembela diputuskan berlatar belakangkan Kanun Prosedur Jenayah yang mengandungi s 51 sebelum wujudnya s 51A.

[5] Bagi memudahkan rujukan, diperturunkan di bawah peruntukan s 51(1):

51

(1) Whenever any Court or police officer making a police investigation considers that the production of any property or document is necessary or desirable for the purpose of any investigation, inquiry, trial or other proceeding under this Code by or before that Court or officer, such Court may issue a summons or such officer a written order to the person in whose possession or power such property or document is believed to be requiring him to attend and produce it or to produce it at the time and place stated in the summons or order.

[6] Dalam kes *Public Prosecutor v Raymond Chia Kim Chwee & Anor*, Hashim Yeop A Sani HMA dilaporkan telah memutuskan:

> The entitlement of the accused under s 51 of the Code to any document or copies of documents or other material in the possession of the prosecution is entirely at the discretion of the court having regard to justice of the case. The discretion should not however be exercised so as to enable the accused to gain access to materials before the trial as in the case of pretrial discovery and inspection of documents in a civil proceeding.

[7] Isu spesifik berhubung sama ada s 51 ini membenarkan perintah penzahiran sebelum perbicaraan (pretrial discovery) dalam keadaan terhad telah timbul dalam kes *Public Prosecutor v Raymond Chia Kim Chwee & Anor* [1985] 2 MLJ 436. Berdasarkan Kanun Prosedur Jenayah ketika itu yang belum wujud s 51A, Syed Othman HMP (mendengar kes sebagai hakim Mahkamah Tinggi) dilaporkan dalam kes *Husdi v Public Prosecutor* [1979] 2 MLJ 304 telah memutuskan:

> The right to inspect a statement to the police made in the course of police investigations, which is a statutory, not a common law creature, would depend on the construction of the relevant statutory provisions particularly those under the Criminal Procedure Code and there is no provision in the Criminal Procedure Code or the Evidence Act which is construable as giving a right to inspect such a statement.
>
> The statement made to the police in the course of a police investigation is a privileged document and there can be no right to inspect such a document. Further as a matter of public policy it is undesirable for the prosecution to supply the defence with the police statements, as there is a real danger of tampering with witnesses.

[8] Dalam kes *Khoo Siew Bee & Anor v Ketua Polis Kuala Lumpur* [1979] 2 MLJ 49 Suffian LP semasa memutuskan membenarkan tertuduh hak untuk memeriksa kenyataan beramaran sebelum perbicaraan bermula telah berkata:

> Be it noted that my ruling only applies to statements recorded from the accused, not from others who are potential witnesses.

[9] Untuk sekian lama kes-kes di atas merupakan nas yang akan dirujuk oleh timbalan pihak pendakwa setiap kali membantah permohonan mana-mana tertuduh untuk mendapat atau melihat dokumen terutama sekali kenyataan saksi yang berada dalam milik pihak pendakwa. Untuk sekian lama juga mahkamah menolak permohonan tertuduh untuk mendapat salinan dokumen terutama kenyataan saksi-saksi dalam permohonan sebelum perbicaraan berdasarkan nas kes-kes di atas. Untuk sekian lama juga, peringkat terawal pihak pembela berpeluang mengetahui apakah keterangan yang ada terhadap seseorang tertuduh adalah apabila saksi-saksi pendakwa mula memberi keterangan dalam mahkamah di hari perbicaraan hingga timbul persepsi bahawa kerja sebenar peguam bela dalam kes jenayah hanya bermula pada hari bicara di mana saksi-saksi pendakwa mula memberi keterangan.

[10] Menyedari keadaan begini yang menimbulkan keadaan tidak adil kepada seseorang tertuduh, Parlimen melalui Akta 1274/06 telah memasukkan s 51A (berkuat kuasa pada 6 Mac 2006) dalam Kanun Prosedur Jenayah yang meletakkan tanggungjawab terhadap pendakwa untuk membekalkan kepada pembela, sebelum perbicaraan bermula, semua dokumen yang hendak diguna oleh pendakwa dalam perbicaraan. Seksyen 51A juga memerlukan pendakwa membekalkan kepada pembela, sebelum perbicaraan, apa-apa fakta yang menyebelahi pihak pembela.

[11] Tujuan Parlimen dalam memasukkan s 51A dalam Kanun Prosedur Jenayah ini dapat dilihat dalam perbahasan ahli-ahli Parlimen semasa meluluskan rang undang-undang tersebut. Walaupun perbahasan dan pendapat yang dikemukakan ahli-ahli Parlimen semasa meluluskan Rang Undang-Undang Pindaan Kanun Prosedur Jenayah untuk memasukkan s 51A bukan menjadi sebahagian daripada s 51A tetapi ia boleh digunakan sebagai tingkap untuk melihat apakah sebab Parlimen meluluskan s 51A dan falsafah di sebalik diadakan seksyen tersebut. Dalam soal ini, semasa membentangkan Rang Undang-Undang Tatacara Jenayah (Pindaan) 2006 pada persidangan Parlimen kesebelas, penggal ketiga, mesyuarat kedua, Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad selaku Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri ketika itu telah memberitahu Dewan Rakyat:

... fasal 8 ialah fasal yang memasukkan seksyen baru 51A. Beberapa pihak telah mengemukakan pandangan mereka untuk mewajibkan pihak pendakwa membekalkan kepada pihak pembelaan mana-mana dokumen atau laporan yang akan menjadi sebahagian daripada kes pendakwaan sebelum perbicaraan dimulakan. Pemberian apa-apa dokumen atau laporan yang akan dikemukakan oleh pihak pendakwa dalam kesnya kepada pihak pembelaan akan memberi peluang kepada pihak pembelaan untuk menyediakan kes mereka dengan lebih sempurna. Ini akan membawa keadilan bukan sahaja kepada tertuduh tetapi juga kepada semua pihak. Selain dari itu ia akan menjimatkan masa mahkamah di mana pihak pembela tidak akan memohon untuk penangguhan jika dokumen-dokumen tersebut lebih awal lagi diberikan. Jawatankuasa berpendapat bahawa fakta-fakta yang menguntungkan kepada pembelaan yang diperoleh semasa siasatan hendaklah diberi kepada pihak pembelaan demi keadilan sesuatu kes.

[12] Di sini jelas walaupun Parlimen sedia maklum bahawa terdapat s 51 yang memberi mahkamah budi bicara untuk memerintahkan sesiapa termasuk pendakwa rnembekal kepada pembela dokumen atau barang yang difikirkan perlu untuk perbicaraan Parlimen tetap merasakan perlu untuk diadakan s 51A demi keadilan sesuatu kes.

[13] Meneliti peruntukan s 51A, dibaca bersama s 51, saya berpendapat tujuan di sebalik dimasukkan s 51A walaupun ketika itu telah wujud s 51 adalah untuk memastikan proses pendakwaan lebih terbuka dan adil berbanding dengan sebelum adanya s 51A. Dengan adanya s 51A ini telah mengubah proses pendakwaan sesuatu kes jenayah kepada lebih terbuka dan lebih adil mengikut keadaan sesuatu kes.

KEPUTUSAN

[14] Berlatar belakang kedudukan undang-undang berhubung proses pendakwaan yang lebih terbuka seperti dinyatakan di atas, saya meneliti permohonan pihak pemohon dan membuat perintah berikut berdasarkan alasan-alasan yang akan dinyatakan.

[15] Berhubung salinan pita rakaman CCTV di Kondominium Desa Damansara, Jalan Setia Kasih, Bukit Damansara berkenaan rakaman dari '00 hours' hingga '24 hours' dari tarikh 25 Jun hingga 27 Jun 2008 yang dikatakan diambil oleh CCTV di lokasi-lokasi:

(a) di pondok pengawal kondominium tersebut;

(b) di C lif blok 11 kondominium tersebut; dan

(c) di psg lif blok 11 kondominium tersebut,

afidavit Judy Blacious a/l Pereira iaitu pegawai penyiasat kes menyatakan pihak pendakwa telah membekalkan salinan gambar-gambar tersebut.

Afidavit pemohon pula mendakwa apa yang dibekalkan adalah gambar statik (still photo) yang tidak jelas. Walau bagaimanapun pihak pemohon memberitahu mahkamah bahawa selepas permohonan ini difailkan pemohon telah dibekalkan dengan satu CD mengandungi salinan CCTV bertarikh 26 Jun 2008. Memandangkan pendakwa boleh membekal CD yang mengandungi rakaman CCTV bertarikh 26 Jun 2008 saya berpendapat tiada sebab untuk pemohon tidak dibekalkan rakaman bertarikh 25 dan 27 Jun 2008 tambahan lagi pihak pembela dalam kes ini dari mula lagi mendakwa pertuduhan terhadapnya adalah satu fitnah yang tercetus daripada satu konspirasi. Ini sudah semestinya menjadikan apa-apa yang ada dirakam dalam CCTV di tempat kejadian satu hari sebelum dan satu hari kemudian dari tarikh dalam pertuduhan menjadi penting kepada pembela dalam menyediakan pembelaan yang berkesan. Oleh itu demi keadilan dan pelancaran perbicaraan rakaman CCTV yang dipohon patut dibekalkan kepada pemohon.

[16] Oleh itu dengan mengguna budi bicara yang diberi bawah s 51 saya memerintahkan pendakwa diperintah membekalkan kepada pihak pembela salinan pita rakaman CCTV di Kondominium Desa Damansara, Jalan Setia Kasih, Bukit Damansara berkenaan rakaman dari '00 hours' hingga '24 hours' dari tarikh 25 Jun hingga 27 Jun 2008 yang dikatakan diambil oleh CCTV di lokasi-lokasi:

(a) di pondok pengawal kondominium tersebut;

(b) di C lif blok 11 kondominium tersebut; dan

(c) di psg lif blok 11 kondominium tersebut.

[17] Sekiranya salinan yang jelas tidak dapat disediakan, peguam pihak pembela dibenarkan melihat (inspect) rakaman asal di bawah pengawasan pegawai penyiasat atau/dan mereka yang diarah oleh pegawai penyiasat.

[18] Berhubung sampel asal dan sampel/spesimen asal yang dikatakan diambil melalui ujian swab ke atas Mohd Saiful Bukhari bin Azlan yang bertanda B, B1, B2, B3, B4, B5, B6, B7, B8, B9, B10, B11, B12 dan sampel asal dan sampel/spesimen asal yang dikatakan diambil dari unit 11–5–1 dan 11–5–2 kondominium tersebut dan daripada Saiful yang bertanda A, A1, A2, A3, A4, A5, A6, A7 dan perkara-perkara bertanda D, D1, D2 dan D3. Kenyataan bersumpah Peguamcara Negara 1 Datuk Idrus bin Harun menyatakan kes terhadap pemohon akan melibatkan bukti DNA. Ini sudah semestinya merujuk kepada keputusan-keputusan analisa pakar atas sampel atau spesimen asal yang diperoleh semasa siasatan.

[19] Berhubung keterangan saksi pakar, Mahkamah Persekutuan dalam kes

Balachandran v Public Prosecutor [2005] 2 MLJ 301; [2005] 1 CLJ 85 ada berkata di ms 314 (MLJ); ms 98 (CLJ) seperti berikut: A

> It has been held by the trilogy of the (then) Supreme Court cases of *Munusamy v Public Prosecutor* [1987] 1 MLJ 492; *Public Prosecutor v Lam San* [1991] 3 MLJ 426 and *Khoo Hi Chiang v Public Prosecutor* [1994] 2 CLJ 151 that the court is entitled to accept the evidence of the chemist on its face value without the necessity for him to go into details of what he did in the laboratory step by step unless it is inherently incredible or the defence calls evidence in rebuttal by another expert. B

C

[20] Dengan lain perkataan, kecuali keterangan saksi pakar yang akan dipanggil pihak pendakwa itu pada permukaan (on the face of it) sudah tidak munasabah, mahkamah boleh menerima keterangan saksi pakar tersebut sebagai tepat dan betul. Satu-satu cara untuk tertuduh menghalang mahkamah daripada menerima keterangan saksi berkenaan adalah dengan membawa keterangan *rebuttal* dengan memanggil saksi pakar sendiri bagi menunjukkan analisis yang dijalankan saksi pakar tersebut tidak betul atau tidak mengikut tatacara yang telah ditetapkan atau keputusan yang dicapainya tidak tepat. Bagaimana saksi pakar pembela dapat memberi keterangan berhubung ketepatan keterangan saksi pakar pihak pendakwa jika dia tidak diberi peluang untuk menganalisis sampel-sampel berkenaan? D E

[21] Oleh itu, isu di sini bukan sama ada saksi pakar pembela berhak untuk analisa sampel-sampel tersebut tetapi lebih kepada di peringkat mana pakar pembela harus diberi peluang berbuat demikian. Mengikut s 51, mahkamah punyai budi bicara untuk membenarkan pakar pembela untuk memeriksa sampel tersebut sebelum perbicaraan bermula bagi mengelak sebarang keperluan untuk menangguhkan perbicaraan kes. F

[22] Walaupun begitu dalam kes ini, kenyataan bersumpah Judy Blacious a/l Pereira menunjukkan kesemua sampel tersebut kini berada dalam bungkusan yang masing-masing telah dimeterai oleh ahli kimia dengan meterai Jabatan Kimia. Oleh itu sebarang gangguan oleh sesiapa terhadap meterai tersebut sebelum ia dikemukakan di mahkamah di hari bicara akan mengganggu identiti dan rangkaian keterangan berhubung barang kes tersebut. Oleh yang demikian permohonan pemohon untuk dibekal atau untuk meneliti (inspect) sampel-sampel tersebut pada peringkat ini tidak dapat dibenarkan. Pihak pembela boleh memohon untuk meneliti sampel-sampel tersebut setelah ia dikemukakan di mahkamah sebagai barang kes. G H I

[23] Berhubung 'slides' dan *gambar slides* yang dibuat semasa ujian atas sampel asal dan sampel/spesimen asal yang dikatakan diambil melalui ujian swab ke atas Mohd Saiful Bukhari bin Azlan yang bertanda B, B1, B2, B3,

B4, B5, B6, B7, B8, B9, B10, B11, B12 dan *slides* yang dibuat semasa ujian atas sampel asal dan sampel/spesimen asal yang dikatakan diambil dari unit 11–5–1 dan 11–5–2 kondominium tersebut dan daripada Saiful yang bertanda A, A1, A2, A3, A4, A5, A6, A7 dan *slides* yang dibuat semasa ujian atas perkara-perkara bertanda D, D1, D2 dan D3. Berdasarkan alasan yang sama seperti di atas, pihak pendakwa diperintah untuk mengambil tindakan sewajarnya untuk membolehkan peguam pihak pembela melihat (to inspect) *slides* tersebut di bawah pengawasan pegawai penyiasat dan ahli kimia yang menjalankan penganalisaan atas bahan-bahan tersebut. Berhubung *gambar slides*, pihak pendakwa diperintah untuk membekal salinan gambar-gambar tersebut.

[24] Perintah ini perlu bagi membolehkan saksi pakar pihak pembela meneliti *slides* dan gambar sampel-sampel berkenaan bagi membolehkan pakar tersebut memberi pendapat berhubung proses analisa dan keputusan yang dicapai oleh saksi pakar pihak pendakwa berhubung sampel-sampel tersebut dan jika perlu memberi keterangan pakar menyangkal proses analisa dan keputusan yang dicapai oleh saksi pakar pendakwa.

[25] Berhubung *Electro Pherogram*, atas sampel bertanda B, B1, B2, B3, B4, B5, B6, B7, B8, B9, B10, B11, B12, A, A1, A2, A3, A4, A5, A6, A7, D, D1, D2 dan D3, mahkamah dimaklumkan oleh kedua-dua pihak pendakwa dan pembela bahawa ianya telah dibekalkan. Oleh itu tiada perintah dibuat berhubung perkara ini.

[26] Berhubung nota-nota ahli kimia berkenaan pemeriksaan/penganalisisan bahan-bahan bertanda B, B1, B2, B3, B4, B5, B6, B7, B8, B9, B10, B11, B12, A, A1, A2, A3, A4, A5, A6, A7 dan perkara-perkara bertanda D, D1, D2 dan D3, hujah pihak pendakwa adalah, pihak pendakwa akan memanggil ahli kimia berkenaan memberi keterangan lisan. Oleh itu segala laporan dan juga nota-nota yang disediakan oleh ahli kimia berkenaan tidak lagi boleh diguna sebagai keterangan. Pendakwa merujuk kepada kes *Saw Thean Teik v Regina* [1953] MLJ 124 di ms 125 di mana Spencer Wilkinson J berkata:

> In the first place the medical officer having been called as a witness his report should not have been put in. I think it is quite clear from the wording of s 427 of the Criminal Procedure Code that under that section a medical officer's report is admissible only if that officer is not called as a witness. When a medical officer is giving oral evidence then of course any notes which he may have made at the time of his examination he can refer to refresh his memory. Moreover, if his report is made at about the time when his examination took place the report could be put in not as primary evidence of its contents but to corroborate the oral evidence already given under s 157 of the Evidence Ordinance.

[27] Pihak pendakwa juga merujuk kepada *Sarkar's Law of Evidence* apabila membincangkan s 159 Akta Keterangan 1950 ada berkata:

> A writing used for refreshing memory under s 159 is not in itself evidence, but the recollection is. It is not the memorandum that is the evidence, but the recollection of the witness.

[28] Saya tidak bercadang untuk membincang secara mendalam kes di atas. Cukup saya katakan saya sedar keputusan kes-kes berhubung isu berkenaan dan saya akur dengan keputusan-keputusan tersebut. Tetapi perlu dinyatakan di sini isu sekarang bukan soal sama ada laporan atau kertas kerja yang disediakan oleh doktor atau ahli kimia tersebut boleh diguna sebagai keterangan bagi mengganti keterangan lisan mereka semasa perbicaraan. Isu di sini ialah sama ada bagi melancarkan perjalanan perbicaraan dan bagi membolehkan pihak pembela menyediakan pembelaan yang sempurna mahkamah patut mengguna budi bicara bawah s 51 untuk memerintah pendakwa membekalkan kepada pembela laporan dan nota-nota tersebut.

[29] Pengalaman menunjukkan doktor atau ahli kimia apabila disoal balas tentang proses aliran kerja yang dilakukan dalam menjalankan analisa akan merujuk kepada nota atau kertas kerja yang disediakan. Ini memang dijangkakan dan mahkamah tidak mengharapkan mereka menghafal dan memberi keterangan secara lisan segala butir terperinci tindakan yang diambil mereka dalam sesuatu kes tanpa mereka merujuk kepada nota atau kertas kerja. Walaupun nota dan kertas kerja ini bukan keterangan substantif tetapi ia amat berguna untuk dirujuk oleh saksi bagi mengingat kembali proses kerja secara terperinci dan tindakan yang diambil dalam menjalankan analisa. Sekiranya pembela dapat mendedahkan semasa soal balas bahawa proses atau tindakan yang diambil seperti tercatat dalam nota atau kertas kerja saksi tidak mengikut piawaian atau kaedah saintifik yang boleh diterima maka keputusan yang didapati oleh saksi berkenaan juga tidak boleh diterima. Untuk tujuan menyediakan soal balas inilah pihak pembela memerlukan nota dan kertas kerja ini supaya ia boleh diteliti oleh pakar pihak pembela sendiri dan memberi nasihat yang sewajarnya.

[30] Soalannya sekarang di peringkat mana pembela harus diberi peluang untuk meneliti nota dan kertas kerja ini bagi menentukan sama ada terdapat apa-apa kecacatan atau tidak dalam proses kerja dan cara analisis yang dijalankan? Jika di hari bicara, saksi disoal balas berhubung butir-butir terperinci ini, sudah semestinya saksi perlu merujuk kepada nota atau kertas kerja tersebut, maka tiada syak lagi mahkamah perlu membenarkan permohonan pembela untuk meneliti nota dan kertas kerja saksi-saksi ini dan sudah semestinya perbicaraan perlu ditangguhkan untuk memberi peluang pakar di pihak pembela meneliti nota dan kertas kerja ini sebelum apa-apa

soal balas atas saksi ini boleh diteruskan. Oleh itu adalah 'desirable' untuk kelancaran perjalanan perbicaraan dan untuk keadilan nota dan kertas kerja ini dibekalkan kepada pihak pembela sebelum hari perbicaraan.

[31] Berdasarkan alasan di atas saya mengguna budi bicara bawah s 51 untuk memerintah pihak pendakwa mengambil tindakan untuk membekalkan salinan nota-nota tersebut kepada peguam pembela.

[32] Atas alasan yang sama seperti saya memerintahkan pihak pendakwa membekal nota dan kertas kerja ahli kimia seperti di atas, saya juga memerintahkan agar tindakan sewajarnya diambil untuk membekalkan salinan nota-nota oleh semua doktor dari Hospital Kuala Lumpur yang dikatakan telah merawat dan memeriksa Mohd Saiful Bukhari bin Azlan termasuk pada 28 Jun 2008, mengambil tindakan sewajarnya untuk membekalkan salinan gambar, nota-nota dan laporan hasil pemeriksaan 'proctoscopy' yang dikatakan ke atas Mohd Saiful Bukhari bin Azlan di Hospital Kuala Lumpur termasuk pada 28 Jun 2008.

[33] Berhubung laporan dari Hospital Pusrawi dan nota-nota berkenaan pemeriksaan ke atas Mohd Saiful Bukhari bin Azlan, pendirian pendakwa adalah hanya nota-nota disediakan dan ini telah dibekalkan kepada pembela. Berhubung dengan laporan perubatan, pendakwa mendakwa ia tiada dalam fail yang dirampas dan mencadangkan tiada laporan disediakan. Dalam keadaan demikian dan pihak pendakwa diperintahkan membekal nota-nota dan laporan perubatan kepada pembela. Sekiranya tiada laporan disediakan, satu pengesahan daripada doktor berkenaan bahawa tiada laporan disediakan dan pengesahan ini hendaklah diserahkan kepada peguam bela bagi menggantikan laporan perubatan.

[34] Berhubung salinan kenyataan saksi yang direkod di bawah s 112 Kanun Prosedur Jenayah yang dipohon oleh pembela di bawah item 1.4 notis usul dan dokumen-dokumen atau barangan harta atau butir-butir yang tidak akan diguna oleh pendakwa seperti dipohon oleh pemohon di bawah item 1.12, pendirian pihak pendakwa adalah undang-undang adalah mantap bahawa pembela tidak berhak kepada kenyataan saksi yang dirakam di bawah s 112 Kanun Prosedur Jenayah. Pihak pendakwa merujuk kepada kes *Muzammil Izat bin Hashim v Public Prosecutor* [2009] 2 CLJ 354; *Khoo Siew Bee & Anor v Ketua Polis Kuala Lumpur* [1979] 2 MLJ 49 bagi menyokong pendirian mereka. Saya setuju keputusan mahkamah dalam kes-kes tersebut menunjukkan seseorang tertuduh tidak berhak kepada kenyataan saksi yang dirakam bawah s 112 Kanun Prosedur Jenayah. Walaupun begitu kita tidak harus lupa bahawa kes-kes tersebut diputuskan dalam lingkungan Kanun Prosedur Jenayah berdasarkan peruntukan s 51 sebelum adanya s 51A.

Seperti dinyatakan di peringkat awal penghakiman ini, kini dengan adanya s 51A telah mengubah proses pendakwaan sesuatu kes jenayah.

[35] Bagi memudahkan rujukan diperturunkan di sini s 51A:

(1) The prosecution shall before the commencement of the trial deliver to the accused the following documents:

(a) A copy of the information made under section 107 relating to the commission of the offence to which the accused is charged, if any;

(b) A copy of any document which would be tendered as part of the evidence for the prosecution; and

(c) A written statement of facts favorable to the defence of the accused signed under the hand of the Public Prosecutor or any person conducting the prosecution.

[36] Di sini adalah jelas kalau dahulu pembela hanya berpeluang mengetahui apakah keterangan yang dipunyai pendakwa setelah ia dikemukakan di mahkamah semasa bicara, kini dengan adanya s 51A, pembela mempunyai hak untuk dibekalkan sebelum perbicaraan bukan sekadar dengan dokumen-dokumen yang akan digunakan dalam perbicaraan tetapi juga berhak untuk dibekalkan dengan 'fakta-fakta yang memihak kepada pembela'. Ini sudah semestinya untuk menjadikan proses pendakwaan lebih terbuka dan adil berbanding dengan sebelum adanya s 51A.

[37] Dalam keadaan demikian, sementara saya setuju dokumen yang dipohon tidak secara jelas tergolong bawah s 51A dan tidak terdapat peruntukan khusus yang memerlukan pihak pendakwa membekalkan salinan dokumen-dokumen ini saya juga dapati tidak ada peruntukan yang menghalang pihak pendakwa daripada membekal atau pihak mahkamah daripada memerintah pendakwa untuk membekal dokumen tersebut kepada pihak pembela. Dalam keadaan demikian dan mengambil kira falsafah di sebalik diadakan peruntukan bawah s 51A, maka persoalan yang harus diteliti ialah sama ada mahkamah patut, dalam keadaan kes ini, mengguna budi bicaranya di bawah s 51, untuk membenar permohonan pembela agar dibekalkan dengan salinan kenyataan-kenyataan saksi yang dirakam bawah s 112 Kanun Prosedur Jenayah.

[38] Seksyen 51A(1)(c) jelas meletakkan tanggungjawab di pihak pendakwa untuk membekalkan kepada pembela kenyataan bertulis mengenai fakta yang memihak kepada pembela. Pendirian pendakwa berhubung perkara ini adalah tiada apa-apa fakta memihak kepada pembela. Dalam

keadaan kes biasa apabila pendakwa memberi kepada pembela kenyataan bertulis bahawa tiada fakta yang memihak kepada pembela, mahkamah seharusnya menerimanya sebagai satu kenyataan yang benar daripada pihak pendakwa dan perkara ini terhenti setakat itu sahaja.

[39] Tetapi kes ini bukan melibatkan keadaan biasa. Pihak pembela dari awal lagi berpendirian bahawa dakwaan terhadap pemohon adalah hasil daripada satu konspirasi dan kerana konspirasi ini pihak pendakwa meneruskan untuk menuduh pemohon di mahkamah walaupun mengetahui terdapat fakta-fakta terutama hasil pemeriksaan doktor yang merawat pengadu yang menunjukkan kejadian yang didakwa tidak berlaku.

[40] Dalam keadaan begini, apabila pihak pendakwa membuat kenyataan bawah s 51A(1)(c) mengesahkan bahawa 'tiada kenyataan yang memihak kepada pembela' sudah semestinya pihak pembela harus diberi peluang untuk memastikan apa yang dinyatakan oleh pihak pendakwa berhubung perkara ini adalah satu kebenaran dan bukan cubaan untuk sembunyi fakta. Ini hanya boleh dicapai jika pembela mempunyai akses kepada kenyataan-kenyataan yang diberi oleh saksi. Berikutan daripada itu persoalan seterusnya yang perlu dijawab ialah sama ada dengan penzahiran salinan kenyataan saksi-saksi boleh prejudis kes pendakwa atau tidak atau ia bertentangan dengan kepentingan awam atau tidak.

[41] Dalam kes ini tiada apa-apa yang boleh mencadangkan bahawa dengan memberi salinan kenyataan saksi boleh prejudis kes pendakwa atau mengganggu gugat kepentingan awam. Sebaliknya jika pihak pembela dibekalkan dengan sesalinan kenyataan saksi akan membolehkan mereka mengetahui lebih awal dan lebih jelas kes yang akan dikemukakan terhadap tertuduh. Ini mungkin dapat membantu pembela menyediakan pembelaan yang lebih sempurna dan teratur. Dalam keadaan demikian, dan berdasarkan keadaan luar biasa kes ini, saya membenarkan permohonan pemohon untuk mendapatkan salinan kenyataan yang dirakam di bawah s 112 Kanun Prosedur Jenayah daripada saksi-saksi:

(a) Mohd Saiful Bukhari bin Azlan;

(b) Haji Hassanudin Abdul Hamid;

(c) Nursham;

(d) Muhamad Rahimi bin Osman;

(e) Mohd Rasid Mohd Rosdi; dan

(f) Dr Osman Abdul Hamid,

sepertimana dipohon di bawah item 1.4 dan salinan dokumen seperti dipohon bawah item 1.12 notis usul pemohon.

[42] Pihak pendakwa juga diperintah untuk:

(a) membekalkan senarai saksi yang akan dikemukakan oleh pendakwa dalam perbicaraan;

(b) membekalkan salinan semua dokumen yang akan dikemukakan sebagai keterangan seperti diperlukan di bawah s 51A(1)(b) Kanun Prosedur Jenayah; dan

(c) membekalkan kenyataan fakta-fakta menyebelahi pembela, jika ada, seperti diperlukan di bawah s 51A(1)(c).

[43] Berhubung rakaman video percakapan Mohd Saiful Bukhari yang dikatakan dibuat pada 30 Jun 2008 peguam bela telah memaklumkan bahawa pembela tidak memerlukan rakaman video ini sekiranya mahkamah telah perintahkan percakapan Mohd Saiful dibekalkan. Oleh itu tiada perintah dibuat berhubung rakaman video ini.

Sebahagian permohonan pemohon dibenarkan.

Reported by Kanesh Sundrum